

SILAT SUKAN SEA/Permintaan Malaysia kepada penganjur

Negara peserta diminta kirim pengadil

Oleh MOHD RAHIME YUSOFF

MALAYSIA meminta penganjur pertandingan silat Sukan SEA di Jakarta pada 9-20 September ini supaya mengundang sama pengadil daripada setiap negara peserta bagi mengelakkan sebarang kekeliruan.

Permintaan itu dibuat oleh Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka).

Silat Olahraga adalah antara enam acara baru yang akan dipertandingkan di sukan itu. Lima negara, Malaysia, Thailand, Singapura, Brunei dan Indonesia

mengesahkan akan mengambil bahagian.

Pengadil pertandingan itu termasuk Dewan Hakim dan Dewan Pendekar.

Setiausaha Pesaka, A Rahman Hassan, yakin penyertaan sama pengadil dari semua negara boleh mengeratkan lagi semangat kesukuan di kalangan negara peserta.

Katanya, Pesaka bersedia menghantar pengadil yang mempunyai pengiktirafan antarabangsa bagi tujuan itu.

"Kita tidak mahu timbul kekeliruan dan kekecohan semasa pertandingan. Jika Indonesia menggunakan pengadil tempatan," ujarnya.

20 MAR 1987

Menurutnya, kalau pengadil itu meliputi semua negara peserta, masalah seperti itu mungkin tidak akan berlaku.

Rahman berkata, semua pihak tidak mahu melihat kekecohan, apa lagi sukan ini baru diperkenalkan.

Beliau menerangkan, undang-undang pertandingan silat memang sudah lama ada. Cuma beberapa perubahan perlu dilakukan supaya ia dapat dipersetujui oleh semua negara anggota.

Menurut peraturan, setiap pertandingan dijalankan tiga pusingan dan setiap satu pusingan berlangsung selama dua minit.

Sebelum satu pertandingan dijalankan, setiap peserta mesti mendapat kelulusan doktor terlebih dahulu, begitu juga bagi se-

B. Harlan (4)

tiap satu-satu pusingan.

"Doktor amat perlu dalam satu-satu pertandingan silat. Mereka perlu ada di gelanggang pertandingan bagi memastikan kesihatan setiap ahli pesilat," terangnya.

Rahman menerangkan, Dewan Pendekar pula berfungsi memastikan setiap ahli pesilat yang bertanding tidak menggunakan ilmu kebatinan atau bertindak di luar batas pertandingan.

Katanya, anggota Dewan Pendekar terdiri dari mahaguru silat yang berwibawa dalam ilmu kebatinan.

"Ahli pesilat yang menggunakan ilmu kebatinan boleh dibatalkan penyertaannya kerana bimbang ia memberi kesan buruk kepada lawan," jelasnya.